

PM jelas sebab mesyuarat kabinet diadakan di Sarawak

21 MAY 1991

KUALA LUMPUR 20 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata tujuan utama kerajaan mengadakan mesyuarat kabinet di Kuching Rabu ini ialah untuk merapatkan lagi hubungan Kerajaan Pusat dengan Sarawak.

Menurut beliau, tiada sebab utama mengapa Sarawak dipilih sebagai lokasi mesyuarat kabinet kali ini kerana ia sememangnya telah ditetapkan sejak beberapa minggu lalu.

Ditanya sama ada mesyuarat kabinet di Sarawak mempunyai

kaitan dengan pilihanraya di negeri itu, beliau menegaskan.

"Kita memang telah menetapkan supaya diadakan mesyuarat di negeri - negeri lain. Dulu kita adakan mesyuarat di Langkawi sebab kita ada banyak projek pembangunan di pulau itu dan kini di Sarawak supaya merapatkan lagi Sarawak dengan Kerajaan Pusat.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1991 yang diadakan di Stadium Negara di sini hari ini.

Ditanya mengenai kemungkinan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) menyertai semula BN Tiga (Barisan Nasional Negeri Sarawak yang terdiri dari PBB, SNAP, dan SUPP), Dato' Sri Dr. Mahathir berkata: "Kita memang hendak mereka balik dengan BN."

Bagaimanapun, katanya, terdapat beberapa perkara yang perlu diatasi terlebih dahulu.

PBDS ialah parti komponen BN di peringkat Persekutuan tetapi berfungsi sebagai pembangkang pada peringkat nege-